



# GRAYMONT



MENYUMBANG KEPADA DUNIA YANG TIDAK BERKARBON DENGAN MENYEDIAKAN PENYELESAIAN KAPUR DAN BATU KAPUR YANG PENTING

# Kandungan



*Bertaraf dunia  
dalam semua  
yang kita lakukan!*

|  |    |
|--|----|
| 01. Misi Kami                            | 4  |
| Visi Kami                                | 5  |
| Siapa Kami                               | 5  |
| 02. Apa Yang Kami Hargai                 | 6  |
| 03. Bagaimana Kami Bekerja               | 8  |
| 04. Kesihatan Dan Keselamatan            | 9  |
| 05. Alam Sekitar                         | 10 |
| 06. Pelanggan                            | 12 |
| 07. Masyarakat                           | 13 |
| 08. Pertumbuhan                          | 14 |
| 09. Inovasi                              | 16 |
| 10. Warga Kerja                          | 18 |
| 11. Kerjaya & Pembangunan                | 19 |
| 12. Kesaksamaan, Kepelbagai dan Inklusif | 20 |
| 13. Fleksibiliti                         | 20 |
| 14. Ruang Kerja                          | 22 |
| 15. Gaji Kompetitif                      | 23 |
| 16. Pengiktirafan                        | 24 |



01  
→

### MISI KAMI

*Menyumbang kepada dunia yang tidak berkarbon dengan menyediakan penyelesaian kapur dan batu kapur yang penting.*



### VISI KAMI

Di Graymont visi kami adalah untuk menjadi perusahaan bertaraf dunia dalam semua yang kami lakukan!

Anda akan tahu kami perkara ini apabila anda:

- mengetahui bahawa kami mengendalikan kemudahan yang selamat, bersih dan teratur di mana semua orang berkongsi komitmen yang kuat terhadap tempat kerja yang bebas kecederaan.
- mengiktiraf komitmen kami untuk melangkaui keperluan pelanggan dengan menyampaikan produk dan perkhidmatan berkualiti dengan pasti.
- merasakan bahawa kami secara proaktif membangunkan dan mengekalkan hubungan yang saling menyokong bersama jiran kami dan pihak lain untuk kejayaan jangka panjang Graymont dan komuniti kami.
- mengetahui bahawa kami berdedikasi untuk meningkatkan prestasi alam sekitar kami.
- mengetahui bahawa kami sentiasa mengoptimumkan proses dan kegiatan kami untuk menyampaikan nilai yang lebih tinggi kepada pihak berkepentingan.
- mengetahui bahawa kami adalah pasukan berbakat yang terdiri dari individu yang terlibat dan berwibawa yang berkerjasama untuk menyampaikan prestasi Bertaraf Dunia.

### SIAPA KAMI

Graymont ialah peneraju dunia dalam penyelesaian keperluan kapur dan batu kapur.

Produk kami menjadi keutamaan dalam menangani isu alam sekitar yang semakin mendesak pada masa ini, selain menyokong pelbagai proses industri dan keperluan pertanian yang penting. Produk kami digunakan dalam pembersihan udara dan air, serta penghasilan bahan yang penting kepada ekonomi moden seperti keluli, kertas dan besi. Ibu pejabat Graymont yang terletak di Kanada menyediakan perkhidmatan kepada pasaran di serata Amerika Utara dan Asia Pasifik. Graymont juga merupakan rakan strategik syarikat Grupo Calidra yang berpusat di Mexico, sebuah pengeluar kapur terbesar di Amerika Latin.

Syarikat milik keluarga yang diuruskan secara profesional ini telah beroperasi selama 70 tahun. Graymont berhasrat menjadi pembekal, majikan dan rakan niaga pilihan di setiap tempat kami beroperasi.



GRAYMONT:

# Apa Yang Kami Hargai

*Kejayaan kami memerlukan usaha individu dan kerjasama berpasukan selaras dengan nilai-nilai Graymont yang dikongsi bersama.*



## INTEGRITI

Kami sentiasa melakukan perkara yang betul.

## HORMAT

Kami menghormati hak setiap individu untuk mempunyai tempat kerja yang selamat. Kami menghormati adat, budaya dan nilai semua orang, baik para pekerja, pelanggan, pembekal, pengawal selia maupun anggota masyarakat. Kami menghormati objektif masyarakat mampan, merangkumi keutamaan, keperluan dan kepentingan dalam komuniti, ekonomi, sosial dan alam sekitar meliputi setiap peringkat pembangunan, operasi dan penutupan prasarana. Kami menghormati modal pemegang saham – pelaburan oleh pemilik dalam perniagaan.

## KERJASAMA

Pasukan yang berkesan mampu menyelesaikan masalah yang rumit dengan lebih baik.

## INOVASI

Sentiasa terdapat kaedah yang lebih baik untuk melakukan sesuatu.

## KECEMERLANGAN

Melakukan segala perkara dengan sempurna.

## PERSPEKTIF JANGKA PANJANG

Kami melihat perspektif jangka panjang dalam membuat keputusan berkenaan para pekerja, aset, simpanan, pelanggan dan pemegang saham.

## TANGGUNG JAWAB

Kami berpegang pada janji.

**GRAYMONT:**

# Bagaimana Kami Bekerja

Cara kerja kami menyokong Budaya Satu Graymont.

- Kami semua memahami, berkongsi dan mempromosikan strategi dan hala tuju Graymont.
- Kami semua bertindak demi manfaat dan kejayaan Graymont secara menyeluruh, tanpa mengira kawasan geografi, wilayah atau fungsi.
- Kami sentiasa berbahas serta berkongsi idea dan sudut pandangan.
- Kami bertanggungjawab atas diri sendiri dan orang lain.
- Kami bekerjasama merentas fungsi dan bermuafakat meliputi seluruh organisasi.
- Kami menjadikan kesilapan suatu teladan supaya kami dapat belajar dan berinovasi.
- Kami sedia berubah dan tidak gentar menghadapi perubahan.
- Kami seronok melakukan kerja kami!

03  
→




04  
→

## GRAYMONT: Kesihatan Dan Keselamatan

Kami perlu mencapai tahap prestasi yang cemerlang dalam bidang kesihatan dan keselamatan untuk menjadi syarikat bertaraf dunia. Untuk itu, kami beroperasi di bawah piawaian keselamatan yang ketat mencakupi seluruh organisasi, yang menekankan penglibatan pekerja melalui jawatankuasa keselamatan, audit keselamatan dalam, latihan dan pensijilan, serta pematuhan penuh terhadap budaya kerja selamat. Kami sentiasa berusaha demi pencapaian dalam bidang kesihatan dan keselamatan, dengan matlamat utama sifar kecederaan dan sifar insiden.

Maklumat lanjut boleh didapati dalam [Laporan Kelestarian](#) kami.





05

**GRAYMONT:**

## Alam Sekitar



Produk Graymont menjadi sebahagian besar daripada penyelesaian bagi menangani pelbagai cabaran alam sekitar hari ini. Kami menawarkan produk dan penyelesaian yang diperlukan oleh masyarakat moden yang sihat, serta penting kepada sektor ekonomi rendah karbon. Keluaran kapur dan batu kapur berfaedah kepada pelbagai perkhidmatan kritikal dan industri hiliran dalam rantauan bekalan. Ia digunakan dalam pembersihan air minuman, rawatan air buangan, bidang pertanian, pembersihan pelepasan udara daripada penunu, loji jana kuasa dan loji industri, termasuk pembuat keluli dan logam lain. Produk ini turut dimanfaatkan dalam kebanyakan penggunaan berkaitan alam sekitar termasuk pemulihan tapak sisa berbahaya. Kami juga mengakui kesan alam sekitar yang tidak dapat dielakkan akibat

kegiatan pengeluaran syarikat Graymont sendiri. Pendorong utama kami adalah melabur dalam teknologi cekap tenaga untuk kemudahan pengeluaran yang baharu atau dinaik taraf, di samping melaksanakan amalan dan teknologi pengurusan alam sekitar yang terbaik. Perubahan iklim menjadi kebimbangan utama alam sekitar hari ini, dan Graymont mengakui bahawa syarikat ini memukul tanggungjawab untuk mengurangkan lagi jejak karbonnya — maka, kami juga bekerjasama dengan pemain industri lain supaya produk kapur menjadi unsur penting dalam dunia masa depan yang rendah karbon. Justeru, Graymont turut menyokong Perjanjian Paris.

Maklumat lanjut boleh didapati di [Laporan Kelestarian](#) kami atau [tonton video kami](#) atau ketahui lebih lanjut tentang [Tindakan Menangani Iklim](#) oleh Graymont.

GRAYMONT:

# Pelanggan



06  
→

## PRODUK

Produk kami amat diperlukan dalam menangani isu alam sekitar yang semakin mendesak pada masa ini, selain menyokong pelbagai proses industri dan keperluan pertanian yang penting. Graymont membekalkan pelbagai produk kapur tohor berkalsium tinggi, kapur terhidrat dan batu kapur termasuk bahan batu kapur hancur, batu kapur dolomit dan batu binaan daripada sebilangan kuari batu kapur kami. Kami berhasrat menjadi pembekal pilihan bagi penyelesaian kapur dan batu kapur yang lestari.

Ketahui lebih lanjut tentang [Produk](#) dan [Pasaran](#) perkhidmatan kami.



07  
→

GRAYMONT:

# Masyarakat

Membina masa depan syarikat yang mapan merangkumi keterlibatan pihak berkepentingan secara bermakna, misalnya dengan pihak kerajaan, organisasi bukan kerajaan (NGO) dan masyarakat termasuk Penduduk Asal, Orang Asli dan Pribumi; menunjukkan bahawa Syarikat sentiasa komited untuk beroperasi dengan cara yang bertanggungjawab demi mewujudkan nilai sebenar dan manfaat berpanjangan kepada semua pihak.

Kami percaya bahawa asas kejiranan yang baik ialah komunikasi secara terbuka dan jujur. Kami bersikap proaktif dalam menyampaikan rancangan kami dan sentiasa mendapatkan pandangan masyarakat

supaya segala kebimbangan dan isu yang mungkin timbul dapat dikenal pasti dan ditangani lebih awal. Oleh itu, pejabat tempatan kami melaksanakan usaha secara bersepadu demi mengekalkan perhubungan terbuka dengan penduduk, kerajaan tempatan dan perniagaan tempatan yang lain.

Beberapa projek utama kami seperti Projek Warisan Bedford (Quebec, Canada) dan Projek Peluasan Oparure (New Zealand) boleh diteliti dalam [Laporan Kelestarian](#) kami.

Ketahui lebih lanjut tentang [penglibatan kami bersama masyarakat](#).

GRAYMONT:

# Pertumbuhan



08

*Graymont sedang berkembang dan mengukuhkan kedudukan kepimpinan pasaran kami.*

Prestasi syarikat membolehkan kami melaksanakan pemerolehan kapur dan batu kapur yang menguntungkan, melabur dalam teknologi terkini dan membangunkan produk baharu bagi penggunaan pasaran baru demi menambah baik persekitaran dunia masa kini. Teras utama falsafah korporat kami ialah pendekatan perniagaan jangka panjang, berasaskan komitmen utuh terhadap pertumbuhan yang mampan serta pematuhan sepenuhnya kepada amalan yang bertanggungjawab terhadap alam sekitar, tempat kerja dan operasi.

Ladang tenaga suria kami di kemudahan Galong (Australia) ialah contoh terbaru pelaburan dalam teknologi terkini dan infrastruktur serba baharu agar kami dapat berkembang secara mampan.



GRAYMONT:

# Inovasi

09

*Di Graymont,  
kami menghargai  
inovasi; kami tahu  
bahawa sentiasa  
ada cara yang  
lebih baik untuk  
melaksanakan  
sesuatu.*

Kami menggalakkan agar para pekerja bersuara dan berkongsi idea baharu. Kami faham bahawa untuk mencapai kecemerlangan dalam sesuatu perkara bermakna kami perlu bersikap terbuka terhadap perubahan dan bekerjasama mencari kaedah pelaksanaan yang lebih baik. Ini penting demi mencapai prestasi bertaraf dunia.



**GRAYMONT:**

# Warga Kerja

Kami menghasilkan produk yang menjadikan dunia lebih baik! Keluaran kapur dan batu kapur kami membantu membersihkan udara dan air, serta memainkan peranan penting dalam pembuatan dan pengedaran produk yang digunakan setiap hari. Usaha kami penting, sama pentingnya dengan tugas dilakukan oleh para pekerja kami setiap hari.

Setiap seorang memberikan sumbangan, sebagai individu mahupun ahli pasukan, demi memenuhi keperluan pelanggan kami. Baik jurutera, akauntan,



pengurus loji, pekerja pengeluaran, pakar keselamatan mahupun pakar dalam bidang lain, warga kerja berpeluang membuat perbezaan dan membantu menjadikan dunia lebih baik. Dengan pengurangan karbon sebagai strategi utama, para pekerja kami berpeluang melibatkan diri dalam inisiatif tindakan menangani iklim dan kami akan menyokong penyertaan kakitangan dalam projek pengurangan karbon tempatan.



**GRAYMONT:**

# Kerjaya & Pembangunan

*Graymont ialah peneraju dunia dalam penyelesaian keperluan kapur dan batu kapur.*

Graymont mampu menyediakan peluang pada peringkat global, persekitaran yang menyokong perkembangan kerjaya serta kemajuan profesional pekerja. Kami membantu kakitangan menguasai keperluan peranan semasa dan bersedia menempuh kemajuan kerjaya masa depan pada peringkat dalaman mahupun merentasi pelbagai fungsi teknikal, operasi dan korporat, serta melaksanakan tugas yang mencabar demi membantu kakitangan memenuhi potensi diri secara menyeluruh.

Selain inisiatif latihan dan pembangunan dalaman, kami turut memberikan sokongan kepada kakitangan yang mahu menyambung pengajian, dan juga keahlian profesional bagi mereka yang ingin meningkatkan kemahiran dalam bidang kepakaran mereka.

Pekerja sepenuh masa yang mengikuti pengajian akademik atau latihan vokasional peringkat tinggi yang diluluskan boleh mendapat bayaran balik bagi sebahagian daripada yuran pengajian mereka. Syarikat juga menganjurkan Program Biasiswa Philip D Graham secara tahunan, yang menyediakan biasiswa terhad sebagai bantuan kewangan kepada anak-anak pekerja bagi menggalakkan mereka melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi.

GRAYMONT:

# Kesaksamaan, Kepelbagaian Dan Inklusif

Manfaat tenaga kerja secara inklusif dan menyeluruh semakin jelas dan lebih relevan tatkala kami berkembang pada peringkat global. Kami memastikan para pekerja dilayan secara saksama supaya mereka boleh mencapai potensi sepenuhnya. Budaya inklusif turut diperjuangkan supaya setiap pandangan pekerja didengari dan dihargai. Ini akan mempertingkat inovasi, memperbaik cara penyelesaian masalah dan proses membuat keputusan, meningkatkan prestasi pekerja dan seterusnya, mencapai kecemerlangan perniagaan. Kami mengakui bahawa kejayaan berterusan syarikat bertaraf dunia memerlukan usaha individu serta semangat berpasukan, malah ia lebih berkesan apabila semua pekerja dilayan dengan adil, sentiasa turut serta dan terlibat sama serta diperkasa.

Pernyataan Prinsip Kesaksamaan, Kepelbagaian dan Inklusif (EDI) Graymont membimbing usaha dan tingkah laku kami, selaras dengan Nilai, Dasar Tempat Kerja Penuh Hormat serta Tatakelakuan dan Etika Perniagaan kami. Pelan Tindakan EDI ini membantu kami menunaikan komitmen yang terkandung dalam Kenyataan Prinsip Kesaksamaan EDI. Seterusnya, menyokong matlamat kami untuk menjadi pembekal, majikan dan rakan niaga pilihan di setiap tempat kami beroperasi.



GRAYMONT:

# Fleksibiliti

Kami mengiktiraf manfaat dan faedah yang dicapai oleh syarikat dan pekerja kami, hasil daripada keseimbangan fleksibiliti antara bekerja dari rumah dengan interaksi secara bersemuka. Nilai tambah perniagaan meningkat secara ketara melalui galakan kerjasama dan kerja berpasukan serta semangat kekitaan dan keakraban pekerja. Kami melaksanakan model kerja secara hibrid yang membolehkan kebanyakan pekerja pejabat bekerja dua atau tiga hari seminggu di ruang kerja kontemporari kami dan bekerja dari rumah pada hari-hari lain. Pekerja yang bertugas di loji operasi juga boleh memohon jadual anjal, bekerjasama dengan penyelia mereka, bagi membantu mereka memenuhi tanggungjawab dan keperluan hidup.



**GRAYMONT:**

## Ruang Kerja

Ruang kerja pejabat kontemporari kami direka khas supaya mampu menyediakan persekitaran yang menyeronokkan dan memupuk kerjasama. Kami telah mengurangkan saiz dan mengubah suai pejabat kami secara mampan dengan menyediakan hiasan dan kemudahan moden, keterhubungan terkini, susun atur yang sesuai untuk pelbagai keperluan melalui konsep gabungan terbuka, ruang senyap, pejabat tertutup, bilik mesyuarat serta dapur dan ruang makan yang nyaman. Kaedah tempahan harian membolehkan kami beralih daripada kedudukan meja yang tetap, justeru kakitangan kami dapat memaksimumkan peluang fleksibiliti dan kerjasama selain membantu memanfaatkan ruang kerja kami sepenuhnya.

14  
→



**GRAYMONT:**

## Gaji Kompetitif

Gaji Graymont yang kompetitif membolehkan kami mengekalkan dan menarik bakat yang diperlukan demi menjadi syarikat bertaraf dunia bagi penyelesaian keperluan kapur dan batu kapur. Tumpuan terhadap ganjaran menyeluruh membolehkan kami menawarkan imbuhan lumayan melebihi gaji asas. Para pekerja Graymont juga menikmati faedah persaraan dan kesihatan yang menarik serta pelbagai inisiatif lain, termasuk program kesihatan dan Program Bantuan Pekerja dan Keluarga.



16



GRAYMONT:

## Pengiktirafan

Kelebihan daya saing kami sebahagian besarnya diperoleh daripada para pekerja yang serba mahir dan bertenaga yang saban hari bekerja di pejabat dan tapak loji kami. Semua pekerja diberikan peranan dan tanggungjawab yang jelas, dan kami mengiktiraf usaha cemerlang secara positif. Ini menyumbang kepada pembentukan nilai dan membolehkan kami menghargai usaha para pekerja yang berbakat.

Kami mengadakan pelbagai program dan kegiatan bagi membantu para pengurus mengiktiraf pencapaian pasukan dan individu, contohnya pengiktirafan rakan sekerja semasa mesyuarat, pengumuman kenaikan pangkat, menyiarkan pencapaian dalam risalah global Grayzette, Program Anugerah Tahun Perkhidmatan, serta peluang kenaikan pangkat pada peringkat dalaman dan merentasi fungsi serta melakukan tugas antarabangsa.



**GRAYMONT**

[graymont.com](http://graymont.com)